

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[AYER HITAM]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 42**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur perundangan dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam Peraturan Mesyuarat Parlimen baharu untuk mendakwa kakitangan Kementerian atau agensi Kerajaan yang gagal mengatasi kelemahan yang telah diketengahkan oleh Jabatan Audit Negara serta selepas pendengaran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam mengenai prosedur perundangan di bawah Peraturan Mesyuarat Parlimen oleh Kerajaan bagi tujuan pendakwaan ke atas kakitangan Kementerian atau agensi Kerajaan. Adalah dimaklumkan bahawa tiada peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat Parlimen yang membenarkan pendakwaan di buat ke atas kakitangan kementerian atau agensi Kerajaan yang gagal mengatasi kelemahan yang telah diketengahkan oleh Jabatan Audit Negara serta selepas pendengaran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen. Peraturan Mesyuarat juga tidak boleh dipinda untuk memberikan kuasa pendakwaan kerana Peraturan

## **NO. SOALAN: 42**

Mesyuarat adalah untuk mengawal selia perjalanan Majlis Mesyuarat dan tatacara perbahasan di Parlimen.

Namun demikian, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bercadang untuk meminda Akta SPRM 2009 sedia ada bagi menjenayahkan salah laku penjawat awam atau Misconduct in Public Office (MIPO).

MIPO adalah bertujuan untuk menjenayahkan perbuatan seseorang yang dipertanggungjawabkan dengan sesuatu jawatan dalam pejabat awam, yang dengan sengaja melakukan perbuatan salah laku, mengabaikan atau meninggalkan tanggungjawab tersebut, sehingga menyebabkan kerosakan atau kerugian terhadap kepentingan atau harta awam, tanpa sebab atau justifikasi munasabah.

Walau bagaimanapun, MIPO tidak terhad kepada pegawai kerajaan sahaja, sebaliknya meliputi perbuatan salah laku oleh mana-mana orang yang memegang sesuatu jawatan dalam pejabat awam.

Justeru, melalui penguatkuasaan MIPO, SPRM yakin ianya akan membantu membendung gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan kakitangan Kementerian atau mana-mana agensi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.